

PRESIDEN Persatuan Bola Jaring Kebangsaan, Datuk Suraya Yaacob (dua dari kiri) bersalaman bersama An Najwa selepas sidang media.

FOTO: NUR ADIBAH AHMAD IZAM



# Lebar sayap ke Australia

## An Najwa muncul pemain bola jaring Malaysia pertama beraksi di liga luar negara

Jumiati Rosly  
jumiati@bh.com.my

### Kuala Lumpur

Selepas berjaya membantu skuad bola jaring mengakhiri penantian 16 tahun untuk memenangi emas Sukan SEA di temasya Kuala Lumpur 2017, An Najwa Azizan melakar sejarah tersendiri apabila

muncul pemain bola jaring pertama Malaysia yang beraksi di liga luar negara.

An Najwa yang digelar 'Beauty Killer' berusia 21 tahun itu mendapat tawaran untuk bermain bersama Kelab Bola Jaring GWS (Greater Western Sydney) Fury yang berpangkalan di New South Wales, Australia.

Pemain Paling Bernilai (MVP) Kejohanan Bola Jaring Asia 2016 di Bangkok itu

yang akan bertolak ke bumi Kanggaru, esok ditawarkan bermain dalam Liga Perdana Samsung yang bakal bermula April dan berakhir pada September nanti.

"Ini adalah pengalaman yang baik buat saya dan memang menjadi impian saya untuk bermain di Australia apatah lagi ia adalah negara yang berada di ranking pertama dunia.

"Walaupun bermain da-

lam liga amatir, ia adalah sesuatu yang besar maknanya buat saya dan dengan peluang ini saya harap dapat memberi sinar baru buat masa depan bola jaring Malaysia. Jika saya boleh, mereka pun boleh lakukannya," katanya, semalam.

Bermain di posisi Goal Shooter (GS), An Najwa yang baru melanjutkan pengajian Sarjana Muda Komunikasi di Universiti Putra Malaysia

09-02-2018

arena

55

### PROFIL

## AN NAJWA AZIZAN

Tarikh lahir: 9 Ogos 1997  
Umur: 21 tahun  
Tempat lahir: Ampang, Selangor  
Tinggi: 175 sentimeter  
Berat: 75 kg  
Sukan: Bola Jaring  
Posisi: Goal Shooter (GS)  
Bapa: Azizan Azmi  
Ibu: Norsila Jaafar

Adik-beradik: Anak keempat daripada lima beradik. Mewarisi bakat bersukan daripada bapanya, bekas pemain ragbi kebangsaan

Pendidikan: Sedang mengikuti Sarjana Muda Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM)  
Pencapaian terbaik:

- Mengakhiri penantian 16 tahun pingat emas di Sukan SEA 2017 Kuala Lumpur
- Mengakhiri kemarau 31 tahun muncul juara Kejohanan Bola Jaring Asia 2016 dan dipilih sebagai 'Pemain Paling Bernilai' (MVP)

(UPM) pada tahun lalu juga terpaksa menanggungkan pengajiannya selama satu semester bagi memenuhi impian bermain di liga luar.

An Najwa yang memiliki ketinggian 179 sentimeter itu

KELAB BOLA JARING GWS (Greater Western Sydney) Fury

Ditubuhkan: 2015

Pangkalan: Blacktown, New South Wales, Australia

Liga: Liga Perdana Samsung 2018 (April-September 2018) - Level 2 di Australia

Laman web:

[www.gwsfury.nsw.netball.com.au](http://www.gwsfury.nsw.netball.com.au)

bagaimanapun turut menyuarakan kebimbangannya di Australia nanti.

"Secara fizikalnya, biarpun saya antara pemain paling tinggi di dalam skuad negara, saya masih lagi dikira rendah di Australia. Namun, saya akan berusaha lebih giat dan selebihnya tawakal kepada Allah," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Bola Jaring Malaysia (PBJM), Datuk Suraya Yaacob berkata, bekas jurulatih kebangsaan, Tracey Robinson memainkan peranan penting dalam usaha membawa An Najwa ke Australia.

"Ini adalah peluang bagi kelab lain di Australia untuk melihat kemampuan pemain negara. Jika dia (An Najwa) beraksi baik berkemungkinan besar pasukan liga utama pula akan mengambil dia selepas ini," katanya.